

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

Sukacita kami melaporkan bahawa Bursa Malaysia telah mencatatkan prestasi kewangan terbaik sejak disenaraikan pada tahun 2005.

Pemegang Saham yang dihormati,

Bursa Malaysia mencatatkan prestasi yang sangat cemerlang dalam tahun yang dilanda dengan ketidakpastian dan cabaran dalam operasi. Penghargaan di atas pencapaian ini harus diberikan kepada semua pihak berkepentingan kami, khususnya kakitangan kami yang terus mendukung misi kami iaitu ‘Creating Opportunities, Growing Value’ pada tahun 2020 meskipun di dalam persekitaran yang mencabar. Kami tetap teguh dalam melaksanakan tugas untuk memastikan pasaran terus beroperasi dan dapat diakses, serta pada masa yang sama kami tingkatkan pelbagai aspek ekosistem kami secara berterusan.



Datuk Muhamad Umar Swift

Ketua Pegawai Eksekutif

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

Penyesuaian Kepada Keadaan Tidak Terjangka

Bursa Malaysia seperti mana perniagaan dan organisasi lain, harus segera menyesuaikan organisasi kami dengan situasi unik yang timbul daripada pandemik COVID-19. Sebagai komponen utama dalam ekonomi negara, kami komited untuk memastikan pasaran kami dapat diakses setiap masa. Ini perlu terutamanya dalam situasi ketidakpastian, yang telah melonjakkan tahap ketidaktentuan pasaran di waktu pentingnya mengekalkan pasaran yang adil dan teratur agar tahap keyakinan pelabur kekal utuh. Kami bertindak pantas dengan menyediakan infrastruktur, peraturan dan proses yang diperlukan untuk melindungi dan menyokong ekosistem pasaran, juga membolehkan pelabur untuk terus mengambil bahagian dalam pasaran dan menguruskan portfolio serta pelaburan mereka dengan berkesan.

Bursa Malaysia telah mengambil beberapa langkah kewangan dan bukan kewangan untuk mengurangi impak pandemik COVID-19 dan meringankan beban yang dihadapi oleh peserta pasaran dan masyarakat. Ini termasuklah, antara lain, rebat fi penyenaraian tahunan berjumlah lebih RM3 juta yang memanfaatkan lebih 350 penerbit tersenarai yang layak, serta pelbagai kelonggaran pembiayaan margin untuk peserta pasaran. Sementara itu, kami turut menyumbang lebih daripada RM700,000 dalam bentuk peralatan perubatan kepada hospital yang terlibat dalam usaha pembendungan dan rawatan kes COVID-19 di samping memberi sumbangan berbentuk makanan, dan program kemahiran untuk ahli masyarakat yang memerlukan, khususnya golongan berpendapatan rendah B40.

Langkah berjaga-jaga telah diambil untuk melindungi operasi dan kakitangan kami. Keputusan untuk memulakan operasi pejabat secara bergilir bermula awal suku tahun pertama 2020 untuk memastikan kesinambungan fungsi kritikal kami di samping menjaga kesihatan dan keselamatan warga kerja kami. Pengurusan operasi pejabat secara bergilir diubahsuai berdasarkan keperluan keadaan semasa.

Tinjauan Keseluruhan Prestasi 2020

Sukacita kami melaporkan bahawa Bursa Malaysia telah mencatatkan prestasi kewangan terbaik sejak disenaraikan pada tahun 2005. Keuntungan Selepas Cukai, Zakat dan Kepentingan Minoriti mencapai tahap tertinggi sebanyak RM377.7 juta bagi tahun 2020. Saya juga berbangga untuk memaklumkan bahawa Bursa Malaysia telah memperoleh Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak RM506.6 juta, melepassi tahap RM500 juta buat pertama kalinya. Hasil pendapatan operasi meningkat sebanyak 62.2% dari tahun ke tahun (yoY) dengan kebanyakannya disumbangkan oleh hasil dagangan yang lebih tinggi, terutamanya daripada Pasaran Sekuriti yang telah mencatatkan beberapa rekod tertinggi.

Aktiviti dagangan yang tinggi ini disokong baik oleh infrastruktur kami yang mengendali peningkatan nilai urus niaga yang berkaitan dengan lancar. Meskipun telah berusaha melakukan yang terbaik, kami tetap menghadapi masalah teknikal yang telah menyebabkan sistem dagangan sekuriti terhenti seketika pada 16 Julai 2020.

Gangguan tersebut adalah disebabkan oleh masalah teknikal dan tiada kaitan dengan isu keselamatan siber. Bursa Malaysia telah mengambil langkah segera untuk mengenal pasti punca masalah dan berkomunikasi dengan peserta pasaran. Sistem kami pulih keesokan harinya dan operasi dagangan berjalan seperti biasa. Pemantauan yang berterusan dan semakan sistem yang menyeluruh telah dilakukan untuk meminimumkan risiko isu daripada berulang pada masa hadapan.

Sorotan Lima Tahun

Hasil Operasi Utama (RM juta)

Pendapatan Operasi

| | |
|------|-------|
| 2020 | 778.8 |
| 2019 | 480.1 |
| 2018 | 523.3 |
| 2017 | 522.1 |
| 2016 | 472.7 |

Perolehan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA)

| | |
|------|-------|
| 2020 | 508.4 |
| 2019 | 254.7 |
| 2018 | 304.0 |
| 2017 | 295.5 |
| 2016 | 260.7 |

Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI)

| | |
|------|-------|
| 2020 | 377.7 |
| 2019 | 185.9 |
| 2018 | 224.0 |
| 2017 | 223.0 |
| 2016 | 193.6 |

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

Perbincangan mengenai prestasi kewangan dalam setiap pasaran kami boleh di dapat dalam Perbincangan dan Analisis Pengurusan (MD&A), tetapi di sini saya ingin memaklumkan antara pencapaian terbesar setiap pasaran kami:

i Sila rujuk muka surat 57 hingga 79 Laporan ini untuk MD&A.

Pasaran Sekuriti

Pasaran Sekuriti mencatatkan prestasi terbaik tahun ini dipacu oleh persekitaran kadar faedah yang rendah, pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan dan peningkatan minat yang luar biasa dalam sektor penjagaan kesihatan, terutamanya syarikat pembuatan sarung tangan yang mendorong kepada peningkatan pelabur dalam pasaran sekuriti. Walaupun aliran keluar dana asing dari pasaran sekuriti Malaysia juga berlaku pada pasaran-pasaran lain di rantau ini, peningkatan penyertaan daripada pelabur runcit tempatan telah menyokong dan merancakkan semula aktiviti dagangan di dalam pasaran sekuriti. Antara prestasi Pasaran Sekuriti kami termasuklah:

Pada tahun 2020, Bursa Malaysia telah mencatatkan yoy tahap tertinggi Nilai Purata Harian (ADV) dan pertumbuhan halaju pergerakkan dagangan di rantau ASEAN.

ADV
RM4.2 bilion
KADAR PERTUMBUHAN
118.1%
(2019: RM1.9 bilion)

ADV runcit mencapai paras tertinggi dengan peserta runcit menyumbang 37.7% daripada jumlah ADV bagi tahun 2020.

ADV RUNCIT
RM1.6 bilion
(2019: RM473.5 juta)

Pada 2020, pelabur runcit merupakan **pembeli bersih** dengan nilai dagangan sebanyak
RM14.3 bilion
(2019: RM2.6 bilion)

Halaju Dagangan
64%
(2019: 28%)

Pasaran Derivatif

Ketidaktentuan dan ketidakpastian pasaran komoditi dan sekuriti menyebabkan peningkatan nilai dagangan dalam pasaran derivatif. Sebanyak 18 rekod dagangan telah dicatat sepanjang tahun 2020 dan ini menunjukkan tahap keyakinan peserta pasaran terhadap produk kami telah meningkat. Pencapaian pasaran derivatif sepanjang tahun 2020 merangkumi:

Mencapai paras tertinggi bagi jumlah **Purata Kontrak Harian** sebanyak

73,523

kontrak dengan pertumbuhan yoy sebanyak 32.8% berbanding tahun 2019.

Mencatatkan rekod baharu jumlah bilangan dagangan **Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah** sebanyak

14.6 juta

kontrak pada tahun 2020, mengatasi rekod sebelumnya sebanyak 11.9 juta kontrak pada tahun 2017.

Pasaran Islam

Pasaran modal Islam mencatatkan pertumbuhan yang kukuh seiring dengan peningkatan keseluruhan dalam pasaran sekuriti. Pasaran komoditi Murabahah atau Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) turut mencatatkan pertumbuhan yoy ADV sebanyak 7.8% kepada RM32.9 bilion berbanding RM30.6 bilion pada tahun sebelumnya. Walaupun ADV mencatatkan pertumbuhan, nilai pendapatan daripada BSAS adalah lebih rendah pada tahun 2020 kerana sebahagian besar dagangan komoditi telah dijalankan di bawah skim penentuan harga berdasarkan nilai dagangan yang mengenakan fi yang lebih rendah.

Mewujudkan Peluang, Meningkatkan Nilai

Kami secara berterusan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi merangsang pasaran kami demi mencapai aspirasi kami untuk menjadi pasaran utama di rantau ASEAN yang lestari dan mempunyai jalinan hubungan di peringkat global, juga pada waktu yang sama mengambil langkah berjaga-jaga dalam menangani hal-hal berkaitan COVID-19. Inisiatif tersebut akan dapat mengukuhkan lagi ekosistem pasaran dan mewujudkan hubungan baharu yang akan membawa kami selangkah lebih dekat untuk mencapai impian kami. Berikut adalah antara pencapaian kami:

Pelancaran Produk Baharu dan Produk Yang Telah Diubahsuai

Strategi kami menekankan pembangunan produk baharu dan pengubahsuai produk sedia ada untuk menarik lebih ramai pelabur dan meningkatkan daya saing pasaran kami. Inisiatif utama yang dilaksanakan sepanjang tahun ini termasuklah:

- Pelancaran Atas Niaga Hadapan Olein Sawit USD (OPOL): OPOL merupakan kontrak berdasarkan minyak sawit olein didagangkan dalam matawang dolar Amerika Syarikat (USD) yang pertama di dunia. Produk ini memberi keupayaan kepada pelabur dan pedagang untuk melindungi nilai pegangan mereka terhadap komoditi yang disandarkan, sekaligus dapat memperluaskan lagi rangkaian instrumen pengurusan risiko yang sedia ada kepada pedagang minyak sawit.

- Pelancaran semula Kontrak Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 5-Tahun (FMG5): FMG5 dilancarkan semula dengan pendekatan penyerahan secara fizikal menggantikan penyerahan secara tunai sebagai kaedah penyelesaian. Aturan penyelesaian baharu ini meningkatkan keupayaan FMG5 sebagai instrumen lindung nilai, terutamanya kepada institusi kewangan dalam menguruskan risiko kadar faedah.

- Pelancaran Semula Kontrak Niaga Hadapan Indeks Mini FTSE Bursa Malaysia Mid-70 (FM70): Pindaan yang dibuat untuk produk FM70 ini termasuklah perubahan pada saiz bida (*tick size*) dan pengganda kontrak (*contract multiplier*) yang bertujuan untuk mengekang kos dagangan dan meningkatkan kecairan untuk peserta dagangan.

- Penyenaraian baharu sekuriti kerajaan di bawah Rejim Dikecualikan: Bursa Malaysia menyenaraikan 76 instrumen kerajaan yang terdiri daripada 41 Sekuriti Kerajaan Malaysia dan 35 Terbitan Badan Pelaburan Kerajaan Malaysia di bawah Rejim Dikecualikan. Instrumen ini diterbitkan untuk membayai sebahagian besar pakej rangsangan dan rancangan pemulihan ekonomi kerajaan Malaysia di bawah dana COVID-19. Walaupun penerbitan dan dagangan sekuriti ini dijalankan secara pasaran atas kaunter, penyenaraianannya di Bursa Malaysia telah meningkatkan kebolehliah dan ketelusan produk tersebut kepada pelabur.

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

Perkhidmatan Baharu dan Penambahbaikan Ekosistem

Strategi kami bertujuan untuk meningkatkan akses dan kecekapan pasaran. Pelaksanaannya meliputi penggunaan pelbagai teknologi baharu untuk meningkatkan kerancakan dan daya tahan pasaran kami. Inisiatif yang dijalankan pada tahun 2020 termasuklah:

- Ciri-ciri baharu aplikasi mudah alih *Bursa Anywhere*: Kami telah menambahbaik aplikasi *Bursa Anywhere* untuk menawarkan perkhidmatan pengurusan akaun baharu secara digital termasuklah pembukaan akaun CDS baharu, mengaktifkan semula akaun dorman atau tidak aktif serta pendaftaran untuk pembayaran e-dividen. Penambahbaikan ini berikutan penggunaan peranti pintar yang dijangka akan terus berkembang di masa akan datang. Ciri-ciri baharu ini tepat pada masanya ketika perintah kawalan pergerakan fizikal berkuatkuasa.
- Memperluaskan kerangka membuat pasaran untuk meningkatkan kecekapan dan kecairan pasaran bagi memenuhi permintaan pasaran. Terdapat tiga perubahan dalam kerangka tersebut merangkumi:
 - Memperluaskan kriteria kelayakan bagi entiti asing untuk mengambil bahagian sebagai pembuat pasaran.
 - Mencipta kumpulan baharu peserta — Pakar Derivatif — diperkenalkan dan dibenarkan untuk menggunakan kerangka Jualan Singkat yang Dibenarkan (PSS) bagi membuat pasaran Opsyen Saham Tunggal (SSO) dan Niaga Hadapan Saham Tunggal (SSF).
 - Pembuat pasaran Waran Berstruktur dan SSO yang sedia ada kini dibenarkan untuk menggunakan PSS untuk membuat pasaran.

Dengan kerangka baharu tersebut, pembuat pasaran mempunyai fleksibiliti yang lebih besar untuk membuat sebut harga dan memenuhi permintaan pasaran. Perkembangan ini turut meningkatkan kemampuan pembuat pasaran untuk mengurus risiko operasi mereka dengan melindungi pegangan mereka daripada ketidaktentuan harga pasaran.

- Pindaan kepada Syarat-Syarat Penyenaraian (LR): LR bagi Pasaran Utama dan Pasaran ACE telah dipinda bagi meningkatkan keperluan pendedahan seiringan dengan syarat-syarat terbitan sekuriti baharu. Di bawah pindaan tersebut, definisi pengarah bebas telah dikemas kini untuk mengukuhkan tahap kebebasan pengarah yang dicadangkan. Selain itu, pindaan turut dilakukan untuk membentarkan pemegang sekuriti melalui saham hak, melaksanakan sekuriti boleh tukar dan mengambil bahagian dalam skim pelaburan semula dividen secara elektronik. Ini bertujuan untuk memberikan lebih kemudahan kepada pelabur di samping meningkatkan pelindungan kepada pelabur.
- Pelaksanaan piawaian pemesejan ISO 20022: dalam usaha menerapkan amalan piawaian global yang terbaik, Bursa Malaysia telah menyempurnakan pelaksanaan piawaian pemesejan ISO 20022 untuk pengumuman korporat oleh PLC. Dengan menerima pakai piawaian tersebut, kami telah meningkatkan kecekapan keseluruhan pasaran dengan mencapai tahap Pemprosesan Berautomasi (*Straight-Through-Processing*) yang lebih tinggi dan pada masa yang sama, turut membolehkan pelanggan institusi global menerima pengumuman korporat dengan konsisten dan tepat pada masa daripada penerbit tersenarai.

Lebih
260,000
 akaun CDS INDIVIDU
 baharu dibuka pada
 tahun 2020

Pemasaran dan Pengalakkan Pasaran

Penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan banyak acara kami terpaksa dijalankan secara maya oleh kerana sekitan perjumpaan dan pergerakan fizikal. Dengan memanfaatkan saluran digital, kami telah berjaya menjangkau lebih ramai peserta di peringkat global berbanding acara fizikal kami pada masa lalu. Kejayaan penting dalam acara-acara utama kami sepanjang tahun ini meliputi:

- Siri Maya Invest Malaysia, yang menarik minat 1,231 peserta dari 279 institusi di seluruh dunia.
- Persidangan dan Pameran Maya Prospek Harga Minyak Sawit dan Laurik, yang menarik minat 2,561 pendaftaran dan 1,704 log masuk unik daripada peserta industri antarabangsa.
- Persidangan Maya Pelaburan Syariah 2020 kami yang julung kali diadakan telah menerima penyertaan lebih 1,300 peserta dari seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat, Afrika, rantau Timur Tengah-Afrika Utara, Eropah dan Asia.

Kami turut mempertingkatkan kerjasama dengan Bursa Saham Shenzhen untuk menggalakkan lebih banyak aliran dana dan pelaburan rentas sempadan. Kerjasama ini akan meningkatkan profil PLC, produk dan perkhidmatan Bursa Malaysia kepada pelabur China.

Di samping itu, Bursa Malaysia telah bekerjasama dengan CGS-CIMB Securities Sdn Bhd untuk menganjurkan *InvestHack* buat julung kalinya, yang merupakan hackaton pelaburan runcit yang pertama seumpamanya. *InvestHack* mencabar peserta untuk mencipta dan mengemukakan penyelesaian inovatif yang berpotensi untuk meningkatkan dan mengekalkan penyertaan runcit dalam pasaran.

Pembangunan Lain

Gabungan kemajuan teknologi baharu dan minat yang bertambah baik dalam pelaburan sekuriti telah menyaksikan peningkatan bilangan pelabur baharu dalam pasaran kami. Di samping sokongan yang berterusan bagi mempertingkatkan penyertaan runcit dalam pasaran, kami juga ingin meningkatkan tahap pengetahuan pelaburan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Antara usaha kami untuk membimbing orang ramai mengenai proses dan risiko yang berkaitan dengan penyertaan mereka dalam pasaran, kami melancarkan *Bursa Academy* pada bulan Jun 2020, sebuah platform e-pembelajaran yang disasarkan terutamanya kepada pelabur runcit di kesemua pasaran sekuriti, derivatif dan pasaran modal Islam. Kami turut memperkenalkan ciri-ciri *Mirror, Learn & Trade* dalam aplikasi mudah alih *Bursa Marketplace* (BursaMKPLC) untuk mengalakkan pelabur sedia ada dan berpotensi, meningkatkan pengetahuan dan strategi pelaburan mereka.

Dalam perkembangan lain yang melibatkan teknologi kewangan atau *fintech*, kami telah memulakan beberapa Pembuktian Konsep (PoCs) yang inovatif pada tahun 2020, iaitu Pembuktian Konsep Blok Rantaian (*Blockchain*) dan Pembuktian Konsep ESG yang memanfaatkan kecerdasan buatan (*AI*) kami. Ini dilakukan untuk meneroka potensi penawaran produk atau perkhidmatan dan mendalami kemampuan *fintech* kami. Menjalankan PoC melalui kerjasama adalah sejarah dengan tindakan yang telah dilakukan oleh bursa-bursa lain di seluruh dunia.

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

Anugerah dan Pengiktirafan

Adalah menjadi satu kebanggaan apabila Bursa Malaysia menerima penghargaan atas kejayaan dalam usaha kami mewujudkan pasaran yang rancak bagi pihak berkepentingan kami. Anugerah yang kami terima membuktikan keberkesanan inisiatif kami untuk memenuhi tujuan dan kewajipan terhadap pasaran. Berikut ialah senarai anugerah yang telah diterima pada tahun 2020:

1

Diiktiraf sebagai 'Best Stock Exchange for Islamic Listings' untuk dua tahun berturut-turut oleh Islamic Finance News pada Acara Tahunan Undian Penyedia Perkhidmatan IFN kali ke-14

2

Bursa Malaysia Derivatives diumumkan sebagai 'Exchange of the Year - Asia Pacific' di Anugerah Antarabangsa Pasaran Niaga Hadapan & Opsyen Dunia 2020

3

Anugerah '2019 ASEAN Corporate Governance Scorecard' bagi kategori 20 Syarikat Tersenarai Awam Teratas ASEAN, Anugerah Kelas Aset ASEAN dan 3 PLC Teratas Malaysia

4

Bursa Malaysia disenaraikan ke dalam Bloomberg Gender-Equality Index, membuktikan komitmen kami terhadap ketelusan dalam pelaporan mengikut jantina dan menggalakkan wanita dalam sektor pekerjaan

Melangkah Ke Hadapan: Pelan Hala Tuju Strategik Baharu

Kami berusaha untuk membina sebuah bursa di mana pelabur mempunyai akses kepada pelbagai produk yang sentiasa bersedia menghadapi persekitaran pasaran yang tidak menentu. Situasi yang timbul dari letusan pandemik telah mengingatkan kami tentang keperluan mendesak untuk memastikan perniagaan kami sentiasa bersedia. Menyedari hakikat itu, kami telah melancarkan Pelan Hala Tuju Strategik yang baharu. Matlamat kami adalah untuk memperluaskan penawaran kami dan menjadi bursa pelbagai aset. Objektif ini dipandu oleh Pelan Hala Tuju Strategik 2021–2023 kami yang menggariskan inisiatif-inisiatif utama kami untuk melangkah ke hadapan.

Pelan Hala Tuju Strategik ini berasaskan lima tonggak:

- Memperkuuh Perniagaan Teras Kami – Pasaran Sekuriti
- Mempelbagaikan Perniagaan Derivatif
- Meletakkan Kedudukan Bursa Malaysia sebagai Hab Global bagi Pasaran Modal Islam
- Menyediakan Perkhidmatan Baharu dan Menambahbaik Pasaran Modal
- Menerapkan Kelestarian dalam Organisasi dan Pasaran Kami

Usaha ini akan memerlukan kerjasama bersepada di dalam organisasi kami.

Pelan Hala Tuju Strategik 2021–2023 kami memberi tumpuan meluas kepada tiga strategi utama

1

Pengembangan Produk

2

Pembangunan Ekosistem

3

Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan

Pelan Hala Tuju Strategik 2021–2023 ini memberi tumpuan meluas kepada tiga strategi utama: Pengembangan Produk, Pembangunan Ekosistem serta Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan. Ia juga merangkumi pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kerancakan pasaran, termasuk memperluas serta mempelbagaikan capaian pelabur dan melakukan kerjasama strategik bersama-sama pelabur institusi utama bagi mencapai ke arah penawaran yang lebih mampan. Kami juga ingin melancarkan beberapa produk dan kelas aset baharu, di samping membangunkan keupayaan kami dalam fintech melalui PoC seperti inisiatif blok rantai dan AI.

Penggerak utama kejayaan masa depan kami ialah pembangunan sumber manusia dan penerapan budaya kami, serta pelaburan dalam teknologi untuk memastikan keteguhan sistem, aplikasi dan infrastruktur untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang, menyediakan kecekapan dan menambah baik lagi struktur kos bagi peserta pasaran. Strategi sumber manusia yang menyeluruh juga telah dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada beberapa objektif utama, termasuk menjamin perancangan penggantian kepimpinan Bursa Malaysia, mewujudkan tenaga kerja yang bertumpu kepada data dan menyemai pemikiran mampan dalam budaya korporat kami.

Persekitaran yang kompetitif dan keperluan peserta pasaran akan terus berubah. Oleh itu, budaya kerja dan penawaran pasaran kami harus turut beredar mengikut perkembangan semasa. Pelan Hala Tuju Strategik kami telah menggariskan peluang yang mengujakan untuk kami merangka sasaran pertumbuhan kami di samping terus memastikan pasaran kami tetap rancak.

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

Mengorak Langkah ke Hadapan

Pandemik COVID-19 terus menimbulkan ketidaktentuan dalam ekonomi negara dan dunia, namun begitu kami yakin dengan perkembangan pakej rangsangan kerajaan, pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur dan usaha vaksinasi COVID-19, akan dapat membantu mempercepatkan pemuliharaan ekonomi negara dan mengekalkan daya tahan pasaran.

Usaha kami untuk meningkatkan kerancakan dan kecairan pasaran telah sedikit sebanyak mempersiapkan pasaran kami untuk terus menyokong peningkatan dalam penyertaan runcit dan kemunculan golongan milenial dalam pasaran sekuriti. Dengan memanfaatkan momentum positif ini, Bursa Malaysia akan terus memperkenalkan inisiatif baharu dan memperluaskan penawaran produk untuk meningkatkan daya tarikan Bursa Malaysia kepada pelabur generasi baharu. Kami telah bekerjasama rapat dengan pengawal selia kami untuk memastikan kecekapan, kebolehcapaian dan kecairan pasaran kami akan terus meningkat.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan kami di atas sokongan mereka yang berterusan. Kami berazam untuk mengembangkan lagi pasaran modal bersama anda melalui pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik kami. Kami akan meningkatkan keupayaan sistem dan memperluaskan penawaran produk kami dengan kelas aset baharu. Dalam apa jua yang kami lakukan, hasrat kami adalah untuk menjadikan Bursa Malaysia mudah diakses dan lebih terbuka, di samping mewujudkan pasaran yang adil, teratur dan berdaya saing.



Datuk Muhamad Umar Swift

Ketua Pegawai Eksekutif